

Islam Hadhari perlu dikembang ke tahap universal

KUALA LUMPUR 10 Jun - Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat yang berakhir hari ini mencadangkan supaya konsep Islam Hadhari dikembangkan ke peringkat lebih luas yang melibatkan prinsip Islam bercorak universal.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Inisiatif Cordoba, Imam Feisal Abdul Rauf berkata, sebagai langkah untuk mengembangkan Islam Hadhari, semua pihak yang terlibat perlu menekankan tentang nilai-nilai persamaan tamadun antara Barat dan Islam.

Beliau juga menjelaskan tentang cadangan mewujudkan indeks untuk menentukan komponen paling kritikal di negara Islam yang berasaskan pendekatan maqasid al-syariah dan ia adalah selaras dengan cadangan melaksanakan projek urus tadbir mengikut prinsip Islam.

Imam Feisal memberitahu demikian ketika membentangkan rumusan sesi perbincangan tertutup kedua iaitu *Memahami Islam Dalam Konteks Kontemporari Global*.

Sementara itu, beliau juga menyentuh tentang cadangan program menghantar delegasi yang mewakili beberapa sekolah, kumpulan wanita, pemimpin agama dari dunia Islam ke negara Barat untuk menjalinkan persefahaman.

Delegasi itu, kata Imam Feisal, juga akan membincangkan isu-isu yang menyentuh wanita, politik dan juga konflik yang berlaku di negara masing-masing.

"Bagi merealisasikan program ini, kerjasama antara kerajaan dan badan-badan antarabangsa adalah diperlukan," katanya.

Sementara itu, media turut berperanan dalam menghebahkan program yang berusaha merapatkan jurang antara Barat dengan Islam, katanya.